



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

KENYATAAN TAWARAN

1. Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) yang dimiliki 100% oleh rakyat Malaysia dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:

NOMBOR TENDER	TAJUK	PENDAFTARAN PKK / LPIPM	TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK	HARGA DOKUMEN
UTeM/BEN/29/2011	TENDER BAGI CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SATU BLOK BANGUNAN KLINIK PELAJAR DI KAMPUS INDUK, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA	PKK : Kelas D, Kepala I Sub-kepala 1 dan Kepala II Sub-kepala 2a LPIPM : Gred G4 dan ke atas	Tarikh: 24 November 2011 (Khamis) Masa : 10.00 pagi Tempat: Pej. Pembangunan, Kampus Induk, Durian Tunggal, UTeM (Taklimat dan Lawatan Tapak adalah WAJIB)	RM200.00

2. Naskah Meja Tender akan dipamerkan mulai 17 November 2011 sehingga tarikh tutup tender iaitu jam 12.00 tengahari, 15 Disember 2011 pada waktu pejabat di alamat seperti berikut:

HARI	WAKTU	TEMPAT
Isnin - Khamis	8.30 pagi hingga 12.30 tengahari 2.30 petang hingga 4.30 petang	Unit Perolehan Pejabat Bendahari Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Jumaat	8.30 pagi hingga 12.00 tengahari 3.00 petang hingga 4.30 petang	Kampus Induk 76100 Durian Tunggal, Melaka

3. Dokumen Tender ini akan dikeluarkan dan dijual pada 24 November 2011 selepas taklimat dan lawatan tapak mengikut waktu-waktu seperti yang tersebut di perenggan 2 di atas sehingga 15 Disember 2011. Dokumen akan dijual pada yang menghadiri taklimat dan lawatan tapak sahaja.
4. Dokumen tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang namanya tercatat dalam Surat Pendaftaran Asal Pusat Khidmat Kontraktor sahaja. Wakil-wakil kontraktor yang namanya tidak tercatat dalam Surat Pendaftaran Asal PKK, hendaklah membawa bersama Surat Perwakilan Kuasa yang sah dari syarikat masing-masing. Wakil-wakil kontraktor hendaklah merupakan Pegawai Eksekutif Syarikat.
5. Pendaftar hendaklah membawa Sijil Pusat Khidmat Kontraktor, Sijil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), dan Sijil Taraf Bumiputera yang ASAL dan salinan sijil tersebut (Salinan sijil tersebut tidak akan dikembalikan).
6. Dokumen tersebut boleh didapati dengan mengemukakan bayaran secara Kiriman Wang/Wang Pos atau Bank Deraf atas nama Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
7. Dokumen yang telah sempurna dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertulis dengan Tajuk dan No. Tender di sudut atas sebelah kiri sampul surat serta dimasukkan ke dalam Peti Tender, Unit Perolehan, Pejabat Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka di alamat tersebut di atas sebelum atau pada tarikh tutup berkenaan.

UNIT PEROLEHAN, PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
TEL : 06-331 6091 / 6322 / 6093 / 6095 FAKS : 06-331 6296